A

Tan Hoo Eng lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO A-05-561-12 TAHUN 2022
HADHARIAH SYED ISMAIL, AZMAN ABDULLAH DAN AZMI ARIFFIN HHMR
21 OGOS 2023

C

Prosedur Jenayah — Perbicaraan — Pemindahan kes — Perayu dituduh dengan pertuduhan di bawah s 409 Kanun Keseksaan dan s 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 — Mahkamah Tinggi menolak permohonan pemindahan kes dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi — Perayu memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi — Timbalan pendakawa raya memfailkan bantahan awal — Sama ada keputusan Mahkamah Tinggi adalah keputusan muktamad — Sama ada keputusan Mahkamah Tinggi adalah keputusan yang dibuat selepas perbicaraan — Sama ada keputusan Mahkamah Tinggi boleh dirayu — Sama ada rayuan perayu tidak kompeten dan harus dibatalkan — Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 3 & 50(1)(a)

D

E

F Perayu telah dituduh dengan beberapa pertuduhan di bawah s 409 Kanun Keseksaan ('KK') dan s 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001. Perbicaraan kes perayu telah dimulakan di hadapan hakim Mahkamah Sesyen Ipoh, namun, perayu kemudiannya telah memfailkan notis usul di bawah
G s 417 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') untuk memindahkan kes tersebut dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi. Permohonan perayu telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi, oleh itu, rayuan semasa telah difailkan terhadap keputusan tersebut. Perayu berhujah bahawa hakim Mahkamah Tinggi telah gagal untuk mengambil kira fakta bahawa timbalan pendakwa raya tidak
H membantah permohonan pemindahan kes oleh perayu. Timbalan pendakwa raya telah memfailkan notis bantahan awal terhadap rayuan ini dengan hujahan bahawa keputusan hakim Mahkamah Tinggi bukanlah keputusan muktamad yang memutuskan hak perayu dan tidak boleh dirayu ke Mahkamah Rayuan, oleh itu, rayuan perayu adalah tidak kompeten dan harus
I terbatal. Perayu kemudiannya memfailkan notis usul ('lampiran 31') untuk kebenaran memohon perintah pengkomitan terhadap timbalan pendakwa raya kerana dengan sengaja mengelirukan mahkamah dan berdolak dalih di mahkamah-mahkamah yang berlainan dan sengaja menghalang dan mengganggu proses keadilan.

Diputuskan, membatalkan kedua-dua rayuan perayu dan lampiran 31 dan memerintahkan agar perbicaraan di Mahkamah Sesyen Ipoh disambung:

(1) Keputusan Mahkamah Tinggi bukanlah keputusan yang dibuat selepas perbicaraan. Seksyen 50(1)(a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK') menyatakan Mahkamah Rayuan hanya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menjalankan bidang kuasa asalnya iaitu bidang kuasa perbicaraan. Oleh kerana Mahkamah Tinggi dalam kes ini tidak menjalankan perbicaraan iaitu bidang kuasa asalnya, maka keputusan Mahkamah Tinggi tidak memberikan hak kepada perayu untuk membuat rayuan dan Mahkamah Rayuan juga tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan perayu. Selain itu, keputusan Mahkamah Tinggi bukanlah keputusan muktamad dalam ertikata ada sabitan dan hukuman atau perintah lepas dan bebas sebagaimana yang dikehendaki oleh s 3 AMK. Maka, tidak wujud satu keputusan muktamad untuk dirayu (lihat perenggan 30–31).

(2) Ketiadaan bantahan permohonan pemindahan kes oleh timbalan pendakwa raya tidak melepaskan perayu daripada memuaskan mahkamah bahawa keperluan s 417(1)(a), (b) dan (e) KTJ telah dipenuhi. Tambahan lagi, di bawah undang-undang mahkamah tidak terikat dengan konsesi pihak-pihak. Hakim Mahkamah Tinggi adalah bebas untuk melaksanakan kuasa budi bicaranya untuk membuat keputusan yang sebaliknya (lihat perenggan 35).

[English summary

The appellant was charged with several charges under s 409 of the Penal Code ('the PC') and s 4(1)(a) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and proceeds of Unlawful Activities Act 2001. The trial of the appellant's case was commenced before the Ipoh Sessions Court judge, however, the appellant subsequently filed a notice of motion under s 417 of the Criminal Procedure Code ('the CPC') to transfer the case from the sessions court to the High Court. The appellant's application was rejected by the High Court, therefore, the current appeal was filed against the decision. The appellant argued that the High Court judge had failed to take into account the fact that the deputy public prosecutor did not object to the application for transfer of the case by the appellant. The deputy public prosecutor had filed a notice of preliminary objection to this appeal with the argument that the decision of the High Court judge was not a final decision that decided the appellant's rights and could not be appealed to the Court of Appeal, therefore, the appellant's appeal was incompetent and should be struck out. The appellant then filed a notice of motion ('encl 31') for leave to apply for a committal order against the deputy public prosecutor for deliberately misleading the court and arguing in different courts and deliberately obstructing and interfering with the process of justice.

Held, striking out both the appeal and encl 31 and ordering that the trial at Ipoh Sessions Court to be resumed:

(1) The decision of the High Court was not a decision made after a trial. Section 50(1)(a) of the Courts of Judicature Act 1964 ('the CJA') stated that the Court of Appeal only had the jurisdiction to hear appeals against decisions of the High Court exercising its original jurisdiction ie trial jurisdiction. As the High Court in this case did not conduct the trial, which was its original jurisdiction, the decision of the High Court did not give the appellant the right to appeal, and the Court of Appeal also did not have the jurisdiction to hear the appellant's appeal. In addition, the decision of the High Court was not a final decision in the sense that there was a conviction and sentence, or acquittal and discharge order as required by s 3 of the CJA. Therefore, there was no final decision to be appealed (see paras 30–31).

(2) The absence of objection to the application for transfer of the case by the deputy public prosecutor did not relieve the appellant from satisfying the court that the requirements of s 417(1)(a), (b) and (e) of the CPC had been met. Moreover, under the law the court was not bound by the concession of the parties. The judge of the High Court was free to exercise his discretionary power to make a decision to the contrary (see para 35).]

Kes-kes yang dirujuk

Ang Cheng Hai & others v PP & another appeals [1995] SGCA 69, MR (diikut)
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [1999] 1 MLJ 321; [1999] 1 CLJ 537, MR (refd)
Karpal Singh & Anor v PP [1991] 2 MLJ 544; [1991] 1 CLJ Rep 183, MA (dibeza)
Oh Keng Seng v PP [1974] 2 MLJ 48 (diikut)
PP v Abdul Azeez bin Abdul Rahim and another case [2020] 10 MLJ 75; [2020] 4 CLJ 386, MT (dirujuk)
PP v Dato Kee Yong Wee & Ors [1988] 2 MLJ 198 (tidak diikut)
Sundra Rajoo a/l Nadarajah v Menteri Luar Negeri, Malaysia & Ors [2021] 5 MLJ 209; [2021] 6 CLJ 199, MP (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 3, 13 , 22, 50(1)(a)
Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 s 4(1), 4(1)(a)
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 52
Kanun Keseksaan s 409
Kanun Tatacara Jenayah ss 185, 417, 417(1)(a), (1)(b), 1(e)
Perlembagaan Persekutuan perkara 5(1), 126

Rayuan daripada: *Tan Hoo Eng lwn Pendakwa Raya* [2022] MLJU 3392 (High Court, Ipoh)

Gurbachan Singh (Noor Harisha Zakaria bersamanya) (Sandeep Gobindeep & Co) bagi pihak perayu.
Ng Siew Wee (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Hadhariah Syed Ismail HMR:

PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan perayu terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi Ipoh bertarikh 16 November 2022 yang menolak permohonan perayu untuk memindahkan kes dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi.

[2] Pada 13 April 2023, timbalan pendakwa raya, Puan Ng Siew Wee bagi pihak responden telah mengemukakan notis bantahan awal iaitu keputusan Hakim Mahkamah Tinggi bukanlah keputusan muktamad yang memutuskan hak perayu dan tidak boleh dirayu ke Mahkamah Rayuan. Atas sebab ini, responden mengatakan rayuan perayu adalah tidak kompeten dan harus dibatalkan.

[3] Berikutan dari notis bantahan awal responden, perayu kemudiannya memfailkan notis usul ('lampiran 31') untuk kebenaran memohon perintah pengkomitan terhadap timbalan pendakwa raya, Puan Ng Siew Wee.

[4] Notis bantahan awal responden didengar terlebih dahulu kerana jika bantahan awal diterima, notis usul dan rayuan perayu harus dibatalkan.

[5] Pada 17 Julai 2023, setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, kami menerima bantahan awal responden. Kami bersetuju dengan responden bahawa keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 16 November 2022 bukanlah keputusan muktamad yang memutuskan hak perayu dan tidak boleh dirayu. Oleh itu, rayuan perayu adalah tidak kompeten dan dibatalkan. Atas alasan yang sama juga, tidak ada asas untuk perayu memohon perintah pengkomitan. Dengan itu, notis usul perayu di lampiran 31 juga dibatalkan.

[6] Untuk rekod, hanya satu alasan penghakiman sahaja disediakan untuk mengelakkan perkara yang sama diulang banyak kali.

A LATAR BELAKANG FAKTA

[7] Pada 15 Julai 2015, perayu telah dituduh dengan 12 pertuduhan di bawah s 409 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan 21 pertuduhan di bawah s 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) di Mahkamah Sesyen Ipoh.

[8] Pada 6 Oktober 2017, pihak pendakwaan telah membuat permohonan untuk perayu dilepaskan tanpa dibebaskan ('DNAA') terhadap semua kes tahun 2015.

[9] Namun, pada hari yang sama (6 Oktober 2017), perayu telah dituduh semula dengan empat pertuduhan di bawah s 409 Akta 574 dan 54 pertuduhan di bawah s 4(1)(a) Akta 613.

[10] Pada 19 Ogos 2017, sebanyak 26 pertuduhan tambahan di bawah s 409 Akta 574 telah dikenakan terhadap perayu. Kes telah ditetapkan untuk perbicaraan di hadapan hakim mahkamah sesyen dan perbicaraan telah pun dimulakan dengan keterangan bersumpah pengadu.

[11] Pada 18 Disember 2019, perayu telah memfailkan notis usul di bawah s 417 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) untuk memindahkan kes dari mahkamah sesyen ke Mahkamah Tinggi. notis usul tersebut telah ditolak oleh hakim Mahkamah Tinggi Hashim Hamzah (kini HMR) pada 8 Julai 2020.

[12] Pada 16 Ogos 2022, perayu sekali lagi memfailkan notis usul di bawah s 417 Kanun Tatacara Jenayah untuk mendapatkan perintah-perintah berikut:

(a) pemohon diberikan kebenaran penggantungan perbicaraan di Mahkamah Sesyen Ipoh sehingga permohonan di bawah s 417 Akta 593 diputuskan di Mahkamah Tinggi;

(b) perbicaraan kes-kes Mahkamah Sesyen Ipoh Perbicaraan Jenayah No AA-62K-(37–38)–10 Tahun 2017, AA-62K-(39–45)–10 Tahun 2017, AA-62K-(114–122)–12 Tahun 2017 dan AA-62K-(201–209)–08 Tahun 2019 dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Ipoh dan dibicarakan bersama; dan

(c) lain-lain perintah dan perintah lanjut yang mahkamah fikirkan adil dan sesuai.

[13] Permohonan dibuat atas alasan satu perbicaraan yang adil dan saksama tidak boleh dicapai oleh mahkamah sesyen, terdapat persoalan undang-undang yang luar biasa kerumitannya yang mungkin akan timbul dan untuk mencapai

keadilan. Perayu bergantung kepada s 417(1)(a), (b) dan (e).

[14] Di dalam affidavit sokongannya, perayu menyatakan persoalan undang-undang yang berbangkit dan hanya boleh diputuskan oleh Mahkamah Tinggi adalah seperti berikut:

(a) siasatan yang dijalankan oleh pegawai penyiasat adalah tidak adil, tidak saksama dan berat sebelah yang mencabuli hak perayu di bawah perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan;

(b) kelewatan menjalankan perbicaraan dalam tempoh yang munasabah dan ini mencabuli hak perayu di bawah perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan; dan

(c) pendakwaan yang mala fide, penindasan dan penyalahgunaan proses mahkamah.

KUASA MAHKAMAH TINGGI

[15] Mahkamah Tinggi diberi kuasa untuk memindahkan kes dari Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi di bawah s 417 Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan:

417 High Court's power to transfer cases

(1) Whenever it is made to appear to the High Court —

(a) that a fair and impartial trial cannot be had in any criminal court subordinate to it;

(b) that some question of law of unusual difficulty is likely to arise;

(c) ...

(d) ...

(e) that such an order is expedient for the ends of justice, or is required by any provision of this Code.

It may order —

...

(cc) that any particular criminal case be transferred to and tried before the High Court.

KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI

[16] Hakim Mahkamah Tinggi menolak notis usul perayu atas alasan- alasan berikut:

(a) tidak ada bukti perayu telah dinafikan hak untuk mendapat perbicaraan yang adil dan saksama. Perayu diberi hak untuk membela diri;

(b) tidak ada isu undang-undang yang luar biasa kepayahannya; dan

(c) hakim sesyen mempunyai bidang kuasa, kecekapan dan pengetahuan undang-undang yang mencukupi untuk mendengar dan memutuskan kesalahan-kesalahan s 409 KK dan s 4(1)(a) AMLATFUAA.

RAYUAN

[17] Komplen perayu ialah hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf bila menolak permohonan pemindahan kes. Peguam perayu menghujahkan pemindahan harus dibenarkan atas alasan-alasan berikut:

(a) mahkamah sesyen tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan isu-isu perlembagaan yang berbangkit dan isu-isu berhubung pendakwaan yang mala fide, opresif dan penyalahgunaan proses mahkamah;

(b) perayu telah dituduh secara salah dan tidak adil daripada permulaan lagi;

(c) terdapat keterangan bersumpah baru yang diperolehi pada tahun 2021 dan 2022 yang mengesahkan bahawa siasatan oleh agensi penyiasatan dilakukan secara tidak adil, berat sebelah, bias dan melanggar hak perayu di bawah perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan;

(d) terdapat keterangan baru bahawa agensi penyiasatan telah memberi layanan istimewa kepada pengadu dalam kes jenayah terhadap perayu; dan

(e) keterangan-keterangan baru ini dikatakan timbul dalam kes Mahkamah Tinggi Ipoh Guaman Sivil No AA-22 NCVC-136–11 Tahun 2018. Plaintif dalam kes sivil tersebut ialah anak perayu bernama Lim Hui Jin. Manakala defendan-defendan pula ialah Inspektor Arif (pegawai penyiasat kes s 409 KK); Inspektor Sopawan (pegawai penyiasat kes s 4(1)(a) AMLA), Timbalan Pendakwa Raya, Ketua Polis Negara dan Kerajaan Malaysia. Hakim Mahkamah Tinggi dikatakan telah membenarkan tuntutan plaintif dan mengawardkan ganti rugi berjumlah RM300,000 kepada plaintif dalam kes tersebut.

NOTIS USUL EX PARTE

[18] Pada 13 Julai 2023, perayu memfailkan notis usul ex parte (lampiran 31) di bawah perkara 126 Perlembagaan Persekutuan, s 13 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, A 52 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan/atau di bawah kuasa sedia ada mahkamah untuk perintah-perintah berikut:

1. Bahawa pemohon/perayu diberi kebenaran untuk memohon perintah pengkomitan terhadap Timbalan Pendakwa Raya, Ng Siew Wee kerana dengan sengaja mengelirukan mahkamah ini dan berdolak dalih di mahkamah-mahkamah yang berlainan dan sengaja menghalang dan mengganggu proses keadilan.

HUJAHAN RESPONDEN ATAS BANTAHAN AWAL

[19] Responden menghujahkan bahawa Mahkamah Rayuan hanya mempunyai kuasa untuk mendengar rayuan yang berkaitan dengan perintah muktamad yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi di bawah bidang kuasa asalnya. Bidang kuasa asal Mahkamah Tinggi adalah bidang kuasa perbicaraan seperti yang diperuntukkan di bawah s 22 Akta Mahkamah Kehakiman. Keputusan Mahkamah Tinggi yang dirayukan bukanlah keputusan selepas perbicaraan. Oleh itu, keputusan Mahkamah Tinggi tidak boleh dirayu dan tidak boleh didengar oleh Mahkamah Rayuan. Responden merujuk kepada s 50(1)(a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang memperuntukkan:

50 Jurisdiction to hear and determine criminal appeals

(1) Subject to any rules regulating the proceedings of the Court of Appeal in respect of criminal appeals, the Court of Appeal shall have jurisdiction to hear and determine any appeal against any decision made by the High Court:

(a) in the exercise of its original jurisdiction; and

(b) in the exercise of its appellate or revisionary jurisdiction in respect of any criminal matter decided by the Sessions Court.

[20] Responden juga merujukkan kepada kami keputusan Mahkamah Rayuan Singapura dalam kes *Ang Cheng Hai & others v Public Prosecutor & another appeal* [1995] SGCA 69. Fakta dalam kes itu ialah Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan perayu di bawah s 185 KTJ untuk memindahkan kes dari mahkamah majistret ke Mahkamah Tinggi. Seksyen 185 KTJ Singapura adalah serupa peruntukannya dengan s 417 Kanun Tatacara Jenayah Malaysia. Perayu merayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan. Isu yang berbangkit di Mahkamah Rayuan ialah sama ada keputusan Mahkamah Tinggi itu boleh dirayu dan sama ada Mahkamah Rayuan mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan perayu.

[21] Dalam kes *Ang Cheng Hai*, Mahkamah Rayuan Singapura sebulat suara menolak rayuan perayu dan memutuskan:

[18] Original jurisdiction refers to original trial jurisdiction. In respect of the High Court, its original criminal jurisdiction is enumerated under s 15 of the SCJA, which denotes its trial jurisdiction. In the present case, as the prosecution rightly pointed out, there was no trial which had commenced in the High Court. The High Court had not yet taken cognisance of the offences in question. The only matters

before the High Court were the applications under s 185 of the CPC. We recognised that both the magistrate's court and the High Court may have been jurisdictionally competent to try the offences in question. Nevertheless, the proceedings had been validly commenced in a magistrate's court, which had properly taken cognisance of the offences and had proceeded to exercise original criminal jurisdiction.

[19] The Court of Appeal is generally empowered only to entertain appeals which are concerned with orders of finality, ie those resulting in conviction and sentence or acquittal. On this premise, MPH Rubin J's decision did not give rise to a right of appeal.

[22] Responden seterusnya menghujahkan bahawa perbicaraan di mahkamah sesyen telah pun bermula dan belum lagi selesai. Oleh itu, keputusan Mahkamah Tinggi adalah keputusan yang dibuat sebelum perbicaraan selesai dan hak perayu sama ada beliau bersalah atau pun tidak belum diputuskan lagi. Maka, dihujahkan keputusan Mahkamah Tinggi menolak permohonan pemindahan kes bukanlah keputusan muktamad yang akhirnya memutuskan hak perayu dan tidak boleh dirayu ke Mahkamah Rayuan. Keputusan muktamad adalah keputusan selepas perbicaraan selaras dengan kehendak s 3 Akta Mahkamah Kehakiman ('AMK') yang memperuntukkan:

> decision means judgment, sentence or order, but does not include any ruling made in the course of a trial or hearing of any cause of matter which does not finally dispose of the rights of the parties.

[23] Rujukan dibuat kepada kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor* [1999] 1 MLJ 321; [1999] 1 CLJ 537, di mana Mahkamah Rayuan menyatakan di ms 335 (MLJ); ms 555 (CLJ):

> A decision made pending the trial of the charges against the appellant is not, in our considered opinion, a decision (ruling) that had the effect of finally determining the rights of the appellant. It is only the outcome of the trial that would have the effect of finally disposing of his rights.

[24] Alegasi perayu mengenai penyalahgunaan proses mahkamah dan pendakwaan mala fide melibatkan persoalan fakta yang boleh diputuskan oleh hakim sesyen.

HUJAHAN PERAYU ATAS BANTAHAN AWAL

[25] Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila tidak mengambilkira bahawa responden tidak membantah kepada permohonan pemindahan kes.

[26] Permohonan pemindahan dibuat kerana mahkamah sesyen tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan membuat keputusan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan.

[27] Di dalam rayuan terdahulu di Mahkamah Rayuan terhadap penolakan permohonan yang pertama, responden juga membangkitkan bantahan awal. Tetapi, bantahan awal ditarik balik apabila Mahkamah Rayuan mengatakan mereka bersedia untuk mendengar rayuan. Namun, perayu kemudiannya telah menarik balik rayuan tersebut.

[28] Isu-isu perlembagaan, pendakwaan mala fide dan tiada siasatan lengkap hanya boleh diputuskan oleh Mahkamah Tinggi. Perayu bergantung kepada kes *Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 544; [1991] 1 CLJ Rep 183 dan *Sundra Rajoo a/l Nadarajah v Menteri Luar Negeri, Malaysia & Ors* [2021] 5 MLJ 209; [2021] 6 CLJ 199.

[29] Keputusan Mahkamah Tinggi adalah keputusan muktamad.

KEPUTUSAN KAMI

[30] Kami bersetuju dengan hujahan responden bahawa keputusan Mahkamah Tinggi bukanlah keputusan yang dibuat selepas perbicaraan. Seskyen 50(1)(a) AMK menyatakan Mahkamah Rayuan hanya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menjalankan bidang kuasa asalnya. Bidang kuasa asal Mahkamah Tinggi merujuk kepada bidang kuasa perbicaraan. Oleh kerana Mahkamah Tinggi tidak menjalankan perbicaraan iaitu bidang kuasa asalnya, maka keputusan Mahkamah Tinggi tidak memberikan hak kepada perayu untuk membuat rayuan dan Mahkamah Rayuan juga tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan perayu. Kami bersetuju dan menerima pakai sepenuhnya keputusan Mahkamah Rayuan Singapura dalam kes *Ang Cheng Hai & others v Public Prosecutor & another appeals* [1995] SGCA 69.

[31] Kami juga bersetuju dengan hujahan responden bahawa keputusan Mahkamah Tinggi bukanlah keputusan muktamad dalam ertikata ada sabitan dan hukuman atau perintah lepas dan bebas sebagaimana yang dikehendaki oleh s 3 AMK. Maka, tidak wujud satu keputusan muktamad untuk dirayu dan tidak boleh dirayu oleh perayu.

[32] Kami mendapati kes-kes *Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 544; [1991] 1 CLJ Rep 183 dan kes *Sundra Rajoo a/l Nadarajah v Menteri Luar Negeri, Malaysia & Ors* [2021] 5 MLJ 209; [2021] 6 CLJ 199 adalah tidak terpakai dalam rayuan di hadapan kami. Kedua-dua kes tersebut bukanlah mengenai permohonan pemindahan kes di bawah s 417 KTJ. Dalam kes *Karpal Singh*, Mahkamah Agong memutuskan:

(a) majistret atau hakim sesyen tidak ada kuasa untuk membebas dan melepaskan tertuduh tanpa mendengar keterangan dari pihak pendakwaan; dan

(b) Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk mengenepikan pertuduhan yang opresif dan menyalahgunakan proses mahkamah.

[33] Kes *Sundra Rajoo* pula melibatkan permohonan semakan kehakiman.

[34] Sebaliknya, kes-kes yang melibatkan permohonan pemindahan kes di bawah s 417 ialah kes *Oh Keng Seng v Public Prosecutor* [1974] 2 MLJ 48 dan kes *Public Prosecutor v Dato Kee Yong Wee & Ors* [1988] 2 MLJ 198. Dalam kedua-dua kes ini, Mahkamah Tinggi menolak permohonan pemindahan kes antara lainnya atas alasan adalah tidak memadai untuk pemohon mengatakan terdapat isu-isu perlembagaan; hakim sesyen berkelayakan dan berpengalaman untuk memutuskan kes jenayah di bawah bidang kuasanya dan jika pun ada isu perlembagaan, kedua-dua pihak boleh berhujah di hadapan hakim sesyen. Kami bersetuju dan menerima pakai keputusan kedua-dua kes ini.

[35] Mengenai hujahan perayu bahawa hakim Mahkamah Tinggi tidak mengambilkira fakta bahawa Timbalan Pendakwa Raya tidak membantah permohonan pemindahan kes, pada pendapat kami, ketiadaan bantahan itu tidak melepaskan perayu daripada memuaskan mahkamah bahawa keperluan s 417(1)(a), (b) dan (e) Kanun Tatacara Jenayah telah dipenuhi. Tambahan lagi, di bawah undang-undang, mahkamah tidak terikat dengan konsessi pihak-pihak. Hakim Mahkamah Tinggi adalah bebas untuk melaksanakan kuasa budibicaranya untuk membuat keputusan yang sebaliknya; sila lihat *Public Prosecutor v Abdul Azeez bin Abdul Rahim and another case* [2020] 10 MLJ 75; [2020] 4 CLJ 386 di perenggan [76]–[77]. Oleh itu, alasan tiada bantahan oleh Timbalan Pendakwa Raya adalah tidak bermerit dan ditolak oleh kami.

[36] Secara kesimpulannya, pertuduhan di bawah s 409 Kanun Keseksaan dan s 4(1) AMLATFAPUA sering dibicarakan di mahkamah sesyen. Perayu tidak mengatakan hakim mahkamah sesyen kurang kualiti kehakiman dan ini menjejaskan keupayaan hakim berkenaan untuk mendengar dan membuat keputusan. Tambahan lagi, undang-undang telah menetapkan bahawa kes-kes sebegini harus didengar di mahkamah sesyen. Oleh itu, ia tidak boleh diganti dengan mahkamah yang lain secara mudah.

[37] Atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, kami mendapati ada merit dalam bantahan awal. Bantahan awal diterima. Kesannya ialah pertama, rayuan perayu adalah tidak kompeten dan dibatalkan. Kedua, notis usul untuk perintah pengkomitan adalah tidak berasas sama sekali dan dibatalkan. Timbalan pendakwa raya, Ng Siew Wee mempunyai hak untuk membangkitkan bantahan awal dan mahkamah ini ada hak untuk mendengarnya. Ketiga, perbicaraan kes yang telah pun bermula di Mahkamah Sesyen Ipoh hendaklah disambung perbicaraannya.

Rayuan dan lampiran 31 dibatalkan; memerintahkan agar perbicaraan di Mahkamah Sesyen Ipoh disambung.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar